

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN

No. Sebutharga	Keterangan	Gred/Kategori/Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MPJL IF/10/2023	Cadangan Penstabilan dan Pengukuhan Cerun Di Jalan Serting Jaya 4, Taman Serting Jaya Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, NSDK	<u>Gred G2</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kujuruteraan Awam <u>Pengkhususan</u> CE08-Sistem Perlindungan Cerun dan Penstabilan Tanah	50.00	07/12/2023 (Khamis)

Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **01 Disember 2023 (Jumaat)**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan akan dijual selama **3 hari sehingga 05 Disember 2023 (Selasa)** sahaja.

Borang Sebut harga boleh diperolehi di Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol pada hari Jumaat-Selasa Jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang (Hari Bekerja). Kontraktor Wajib membawa dokumen-dokumen asal semasa pembelian naskah sebut harga.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **30 November 2023 (Khamis)** pada jam **10.00 pagi** dan pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Perbandaran Jempol** sebelum **9.00 pagi** untuk pendaftaran di Kaunter Kejuruteraan. Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.

Bagi mana-mana kontraktor yang ingin membuat pembelian borang menggunakan Kebenaran Khas untuk pengkhususan yang tiada di dalam sijil CIDB, hendaklah mendapat kelulusan dari pihak CIDB sebelum tarikh mula penjualan borang atau semasa tarikh lawatan tapak dengan melampirkan kelulusan Kebenaran Khas yang asal kepada pihak Majlis Perbandaran Jempol.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat (**8.00 pagi-4.30 petang**). Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **07 Disember 2023 (Khamis)**. Jika tender / sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **pos berdaftar / kurier**, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada Tarikh Tutup tender / sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul tidak akan dilayan.

Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

SYARAT-SYARAT PEMBELIAN BORANG SEBUTHARGA

1. Syarikat adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal SSM, CIDB, PPK dan SPKK semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum memulakan lawatan tapak. Pendaftaran perlu dibuat di Kaunter Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Jempol.
5. Syarikat adalah daripada kontraktor bumiputera G2 yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2023** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak pada hari tersebut dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.
8. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari pembelian borang tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.
9. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa **tidak dibenarkan** terlibat dalam membuat **pakatan harga** dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga / tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

KERJASAMA SEMUA PIHAK UNTUK MENGIKUTI *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP) SEPERTI BERIKUT AMATLAH KAMI HARAPKAN SEMASA BERURUSAN DI KAUNTER :-

1. Penjarakan sosial akan dilaksanakan semasa berurusan di kaunter. Pihak Majlis Perbandaran Jempol akan memastikan kapasiti pelanggan adalah dihadkan berdasarkan penjarakan sosial minimum 1 meter. Bagi urusan di kaunter Bahagian Kejuruteraan, hanya seorang pelanggan sahaja dibenarkan berurusan dalam satu-satu masa.
2. Perlu mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* sebelum dan selepas berurusan di kaunter.
3. Setiap pelanggan adalah diwajibkan memakai topeng muka (*facemask*) bagi memastikan tahap keselamatan adalah sentiasa terkawal semasa berurusan di kaunter.
4. Saringan kesihatan akan dilaksanakan di pintu masuk premis.
5. Pelanggan yang mempunyai gejala seperti demam, selesema dan batuk tidak akan dibenarkan berurusan di kaunter. Oleh yang demikian, semua pelanggan hendaklah memastikan tidak mempunyai gejala sekiranya datang berurusan di kaunter.

Tarikh Pengiklanan

23 November 2023


.....
(Ir. Ts. ROSTAM BIN OMAR)
Jurutera
b.p. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jempol